

10 APR 1998

Mahathir-air

TIADA DISKRIMINASI DALAM AGIHAN AIR, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menolak sebarang andaian kononnya berlaku diskriminasi dalam pengagihan air kepada penduduk di Lembah Klang yang sedang menghadapi kesulitan mendapatkan bekalannya.

Perdana Menteri berkata tekanan air yang rendah mungkin menyebabkan kebanyakan tempat tidak memperolehi bekalan walaupun pengagihan air telah dibuat.

"Saya tak tahu ada diskriminasi dalam perkara ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno ditanya pemberita mengenai dakwaan kononnya kawasan-kawasan yang didiami golongan bawahan dikenakan catuan manakala kawasan-kawasan mewah seperti Damansara, Bangsar dan Petaling Jaya tidak dikenakan catuan.

Beliau berkata krisis air sekarang bukanlah perkara yang biasa berlaku.

"Kita harus ingat bahawa perkara ini bukan perkara biasa berlaku. Kalau kita dah biasa dengan keadaan ini sudah tentu tahu siapa yang bertanggungjawab.

"Dalam keadaan sekarang masing-masing cuba menyelesaikan masalah dan tentulah ada pemikiran bahawa ada pihak-pihak yang bertanggungjawab," katanya.

Dr Mahathir berkata masing-masing cuba sedaya upaya mencari jalan penyelesaian setakat yang dipertanggungjawabkan kepada mereka sama ada dari Jabatan Bekalan Air Selangor ataupun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Beliau berkata tidak ada satu badan khusus dalam menghadapi krisis air sekarang.

Bagaimanapun katanya: "Saya fikir kalau ada kritikan-kritikan yang konstruktif, kita sedia berunding."

Dr Mahathir berkata dalam mengatasi krisis air itu kerajaan akan mengadakan lebih banyak mesin tapisan seperti yang terdapat di The Mines Resort dekat sini.

Teknologi mesin rawatan air ultrasource di resort itu adalah satu kaedah rawatan air membabitkan proses mengepam air dari tasik untuk ditapis oleh mesin khas sebelum disalurkan kepada pengguna melalui paip sedia ada atau lori tangki.

"Kita telah ada 10 mesin seperti itu dan 10 lagi akan disediakan dalam masa dua minggu lagi," katanya.

Sambil menyifatkan krisis air yang berlaku sekarang berpunca daripada musim kemarau dan kurangnya hujan, Dr Mahathir berkata untuk jangka panjang, kerajaan bercadang membeli mesin penapis lebih besar untuk kegunaan masa kecemasan.

-- BERNAMA

NZ MAI